

Ibu bapa contoh terbaik kepada anak-anak

ANAK-ANAK bagaikan kain putih yang bersih dan minda mereka berkembang seiring perubahan usia begitu juga kecenderungan terhadap sesuatu berdasarkan perkara dilihat atau dibuat oleh orang sekeliling.

Pensyarah Kanan, Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Aizan Sofia Amin, berkata, kanak-kanak belajar melalui *role model*.

"Mereka (kanak-kanak) akan

mengikut tingkah laku orang terdekat dan pastinya ibu bapa merupakan individu yang paling rapat selain adik-beradik serta jiran tetangga.

"Oleh itu, adalah penting bagi ibu dan ayah memberikan contoh terbaik kepada anak-anak untuk diikuti agar membentuk minda lebih positif," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurutnya lagi, percakapan dan perbuatan boleh

mempengaruhi pembentukan peribadi anak-anak tetapi yang paling memberi kesan kepada mereka adalah perbuatan ibu bapa.

Ujarnya, kanak-kanak belajar melalui pemerhatian maka, ibu bapa perlu menunjukkan kepimpinan melalui teladan dan bukan sahaja memberikan arahan atau nasihat semata-mata.

Tambahnya, ibu bapa juga dinasihatkan agar tidak menentukan hala tuju



AIZAN SOFIA

anak-anak mengikut kemahuan sendiri kerana ia bakal memberi tekanan serta tidak baik untuk perkembangan psikososial mereka.

"Mempunyai perancangan masa hadapan untuk anak-anak adalah perkara yang sangat bagus tetapi ibu bapa perlu mengenal pasti potensi dan kecenderungan mereka.

"Sehubungan itu, kita boleh membangunkan minat tersebut atau menggilapnya untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi," jelasnya.